

Pelaksanaan Solat Fardhu Dalam Kalangan Pelajar Politeknik Hulu Terengganu

Azhar bin Mohd Nawi
Jabatan Pengajian Am
Politeknik Hulu Terengganu
azharmohdnawi1972@gmail.com

Sukarni Bt.Ab. Ghani
Jabatan Pengajian Am
Politeknik Hulu Terengganu
sukarni77@gmail.com

Abstrak

Solat merupakan tiang agama, sesiapa yang mendirikan solat maka ia telah menegakkan agamanya, sesiapa yang meninggalkan solat bererti ia telah meruntuhkan agamanya. Betapa ramai pelajar Islam hari ini tidak mempedulikan solat atas pelbagai alasan tertentu. Kajian ini dijalankan untuk meninjau sejauhmana tahap pengetahuan dan kefahaman pelajar Politeknik Hulu Terengganu (PHT) terhadap kepentingan dan pelaksanaan ibadah solat dalam kehidupan seharian mereka. Hal ini kerana pelaksanaan solat adalah ibadat praktikal yang wajib dilakukan oleh setiap individu muslim baik lelaki maupun perempuan sepanjang kehidupan. Kajian ini mempunyai tiga skop utama iaitu tahap pengetahuan, pengamalan dan faktor-faktor utama yang mempengaruhi pelajar melaksanakan ibadah solat. Responden dalam kajian ini adalah seramai 100 orang yang terdiri daripada pelajar muslim PHT yang mendaftar kursus MPU23012 (Pengurusan Dalam Islam). Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Dapatan kajian menunjukkan bahawa lebih 50 peratus pelajar PHT yang tidak sentiasa menunaikan solat fardhu lima waktu walaupun mereka menyedari akan kewajipan solat fardhu tersebut. Selain daripada mengetahui akan balasan dan azab Allah kepada mereka yang tidak menunaikan solat. Kajian ini memberi satu alternatif baru bagi pensyarah Pendidikan Islam atau individu yang terlibat secara langsung atau tidak langsung untuk penambahbaikan proses pdp di dalam kelas serta mengaktifkan penglibatan pelajar di Pusat Islam Politeknik khasnya.

Kata Kunci: Solat fardhu, pelajar PHT, pengetahuan , amalan

Abstract

Solah is a pillar of religion, whoever establishes salah then he has upheld his religion, anyone who leaves salah means he has destroyed his religion. How many Muslim students today do not care about prayers for various reasons. This study was conducted to examine the extent of knowledge and understanding of students of Hulu Terengganu Polytechnic (PHT) on the importance and implementation of worship in their daily lives. This is because the implementation of prayers is a practical worship that must be performed by every Muslim individual, both men and women throughout life. This study has three main scopes, namely the level of knowledge, practice and the main factors that influence students to perform prayers. The respondents in this study are a total of 100 people consisting of PHT Muslim students who registered for the course MPU23012 (Management in Islam). In this study, researchers used a questionnaire as a research instrument. The findings of the study show that more than 50 percent of PHT students do not

always perform the obligatory prayers five times even though they are aware of the obligatory prayers. Apart from knowing the reward and punishment of Allah to those who do not perform prayers. This study provides a new alternative for Islamic Education lecturers or individuals who are directly or indirectly involved to improve the teaching and learning process in the classroom as well as activate student involvement in the Islamic Polytechnic Islamic Center in particular.

Keywords: Obligatory prayers, PHT students,knowledge, practice

Pendahuluan

Islam berdiri dengan teguh di atas rukunnya yang lima iaitu mengucap dua kalimah syahadah, mendirikan solat, berpuasa di bulan Ramadhan, mengeluarkan zakat dan menunaikan fardhu haji di Mekkah. Tanpa kelima-lima rukun ini, kepincangan seseorang akan terserlah meskipun dia bergelar seorang muslim. Solat merupakan tiang agama. Tanpa tiang agama Islam tidak sempurna dan runtuh. Oleh itu, jika seorang muslim mendirikan dan menjaga solat maka agamanya semakin teguh dan kuat. Agamanya akan roboh jika dia meninggalkan solat.

Rasulullah s.a.w bersabda yang bermaksud : “*Solat itu tiang agama, barang siapa mendirikannya maka dia mendirikan agama, barang siapa meninggalkannya bererti ia meruntuhkan agama*”

Riwayat Imam al-Baihaqi dalam kitab Syu’abul Iman diriwayatkan dari Ikrimah dari Umar R.A. secara marfu.

Agama tidak akan dapat ditegakkan dengan sempurna dalam diri seseorang, keluarga, masyarakat dan negara kecuali setelah memberi perhatian serius tentang kewajipan solat dan kesempurnaannya. Di samping itu, solat juga merupakan perkara asas bagi amalan soleh yang lain. Ini bermakna ibadah solat adalah ibadah yang paling utama berbanding ibadah-ibadah yang lain kerana kedudukannya sebagai tiang agama kepada rukun-rukun Islam yang lain. Kedudukan solat adalah amat tinggi dalam Islam. Selain itu, ia merupakan antara amalan yang pertama sekali dihisab.

Hal ini disebut oleh Rasulullah s.a.w di dalam hadisnya daripada Abu Hurairah R.A. yang bermaksud:

“Amalan yang mula-mula dihisab (diperhitungkan) daripada seseorang hamba pada hari kiamat ialah solat. Maka berkata Allah SWT kepada para malaikatNya, dan Ia Maha Mengetahui: ‘Telitilah pada solat hamba-Ku, adakah ia sempurnakannya atau kurang. Sekiranya lengkap sempurna tulislah sempurna, kiranya ada yang kurang, maka berkatalah Allah SWT: Telitilah sekiranya terdapat solat-solat sunatnya bagi membantu menyempurnakan solat fardunya’

Riwayat Ahmad, Abu Daud, Nasai dan al-Hakim

Latar Belakang Kajian

Amalan solat adalah tiang kepada agama Islam, sebagai seorang Islam yang taat dan patuh pada perintah Allah SWT diwajibkan menunaikan solat iaitu solat fardu lima waktu sehari semalam iaitu Maghrib, Isyak, Subuh, Zohor dan Asar. Solat merupakan satu ibadah yang diwajibkan ke atas setiap orang Islam dan solat yang sempurna dapat menjauhkan manusia dari segala perbuatan mungkar. Solat dapat mengukuhkan iman dan menjauhkan diri dari amalan keji dan mungkar.

Allah berfirman dalam Al-Quran yang bermaksud:

"bacalah Kitab (Al-Qur'an) yang telah diwahyukan kepadamu (Muhammad) dan laksanakanlah solat. Sesungguhnya solat itu mencegah dari (perbuatan) keji dan mungkar. Dan (ketahuilah) mengingat Allah (soolat) itu lebih besar (keutamaannya dari ibadah yang lain). Allah mengetahui apa yang kamu kerjakan".

Al-Ankabut 29 : 45

Meninggalkan solat lima waktu dengan sengaja adalah dosa besar dan Allah SWT telah mensyariatkan ibadah ini di dalam Al-Quran bahawa barang siapa yang meninggalkan solat lima waktu dengan sengaja akan mendapat balasan di dunia dan di akhirat.

Allah memerintahkan untuk solat dalam Al-Quran yang bermaksud:

“

"Dirikanlah sholat dari sesudah matahari tergelincir sampai gelap malam dan (dirikanlah pula sholat) subuh. Sesungguhnya shalat subuh itu disaksikan (oleh malaikat)."

Al-Isra 17:78

Sabda Nabi SAW yang bermaksud :

"Sesiapa yang meninggalkan solat dengan sengaja maka dia terlepas dari perlindungan Allah."

Riwayat al-Baihaqi (14895) dan Ahmad (28007)

Malah, untuk solat juga boleh dijadikan tali pengukur membezakan antara seorang musyrik atau kufur. Ini berdasarkan hadis Rasulullah SAW daripada Jabir RA yang menyatakan beliau mendengar Nabi SAW bersabda yang bermaksud:

"Yang membezakan seseorang Islam dengan syirik dan kafir itu ialah meninggalkan solat."

Riwayat Muslim (82) dan yang lainnya

Teramat-amat sedih apabila kita melihat generasi masa hadapan yang enggan sujud kepada pencipta-Nya. Sebenarnya isu dan masalah inilah yang lebih bahaya bagi umat Islam pada masa kini daripada isu-isu besar sekarang seperti dadah, mat rempit, pembuangan bayi, gejala sosial dan sebagainya.

Jika dilihat dalam konteks sosial, akhlak merupakan sendi yang mengikat kukuh perhubungan dalam sesebuah masyarakat sehingga dapat menjamin kewujudan, kestabilan, keamanan dan

kesejahteraan di dalam masyarakat tersebut. Keruntuhan nilai akhlak di dalam sesebuah masyarakat bukan saja menjadi ancaman kepada kesejahteraan mental individu dalam masyarakat, malah turut menjadi punca sebenar kepada kemusnahan kerana keruntuhan nilai akhlak akan melemahkan setiap sendi sesebuah masyarakat (A Ahmad, Ah Tamuri, 2005)

Pernyataan Masalah

Seorang muslim yang sentiasa melaksanakan solat, hatinya bersih , jiwanya tenang, dan hubungannya dengan Allah s.w.t semakin erat. Didapati hubungan yang positif antara kefahaman pelajar terhadap amalan solat fardhu dalam pembentukan sahsiah pelajar. Kefahaman yang jelas tentang solat fardhu dapat mencorakkan sikap seseorang (Mohd Khusyairie et.al, 2018) Kesempurnaan solat yang ditunaikan akan menyelamatkan amalan-amalan kebaikan yang lain daripada ditolak begitu sahaja. Begitulah besarnya kewajipan solat berbanding amalan-amalan lain.

Sabda Rasulullah yang bermaksud:

“ Sesiapa yang meninggalkan solat asar, maka sia-sialah amalannya ”

Riwayat al-Bukhari (553)

Mutakhir ini, ibadah tersebut seolah-olah tidak lagi dipedulikan. Pengabaian solat merupakan isu yang besar, namun ianya di pandang remeh oleh masyarakat sekarang. Lebih membimbangkan lagi faktor utama yang paling tinggi yang menyebabkan pengabaian solat dalam kalangan remaja hari ini adalah teknologi/ media massa kerana mereka leka menonton televisyen atau bermain telefon bimbit sehingga tidak sedar waktu solat. Disamping itu yang kedua utama adalah diri sendiri yang solat ikut mood dalam kalangan pelajar (Suhaila Nadzri et.al, 2018).

Berdasarkan tinjauan awal melalui soal jawab secara rawak di dalam kelas semasa kursus Pengurusan Dalam Islam, di dapati masih ada pelajar muslim yang tidak dapat melaksanakan ibadah solat fardu secara sempurna. Justeru, kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk mengupas dan mengkaji beberapa objektif yang dicadangkan oleh penyelidik agar dapat melihat tahap pengetahuan, pelaksanaan atau pengamalan dan faktor-faktor utama yang mempengaruhi pelajar dalam melaksanakan ibadah solat.

Objektif Kajian

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk:

- i. Mengenalpasti tahap pengetahuan pelajar terhadap kepentingan solat fardhu lima waktu.
- ii. Mengkaji pelaksanaan solat dalam kalangan pelajar.
- iii. Mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar dalam menuaikan solat fardhu.

Kepentingan Kajian

Kajian yang dijalankan ini mempunyai beberapa kepentingan iaitu :

- i. Memberi kesedaran kepada pelajar muslim Politeknik Hulu Terengganu (PHT) mengenai kewajipan dalam menunaikan solat fardhu.
- ii. Mengetahui faktor yang mempengaruhi pelajar dalam menunaikan solat fardhu.
- iii. Merangka proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam dan aktiviti keagamaan yang lebih mantap agar memberi kesan mendalam dalam jiwa bagi mengisi kekosongan rohani mereka.

Batasan Kajian

Kajian ini terbatas hanya kepada pelajar muslim Politeknik Hulu Terengganu (PHT), Kuala Berang, Terengganu.

Kajian Literatur

Dalam kajian ini, penyelidik merujuk kepada beberapa kajian lepas untuk menilai penyelidikan sebelumnya yang berkaitan dengan tajuk kajian “Pengamalan solat fardu dalam kalangan pelajar Politeknik Sabak Bernam, Selangor”. Tujuan penyelidik mengambil kajian literatur adalah untuk menguatkan kajian yang di jalankan dan secara tidak langsung ia membantu dalam menjalankan kajian tersebut. Dalam kajian yang telah dilakukan iaitu Kajian Perlaksanaan Ibadah Solat Fardhu Di Kalangan Guru Pelatih Islam Maktab Perguruan Batu Lintang merumuskan bahawa pelaksanaan solat masih kurang memuaskan di kalangan individu muslim walaupun mereka telah berada di peringkat pendidikan yang tinggi . Hal ini berpunca dari kurangnya faktor pendidikan agama, bebanan kuliah dan pengaruh rakan dalam mempengaruhi pelaksanaan ibadah solah fardhu di kalangan responden.

Dalam sebuah tesis Sarjana Falsafah (Hasna Bin Bidin, 2016) yang bertajuk “Pelaksanaan Solat Dalam Kalangan Pelajar Muslim di Kolej Komuniti Negeri Johor” telah menyatakan bahawa pengetahuan pelajar yang tinggi tentang solat masih belum menghasilkan amalan solat yang konsisten. Segala bukti kajian mendapatkan pelaksanaan solat pelajar yang sederhana dan masih perlu diperbaiki.

Selain itu tesis Master sains (Nurul Syuhada Bt Johari,2017) berkaitan “Faktor yang Mempengaruhi Pelaksanaan Solat Murid Tingkatan Empat Sekolah Menengah Di Daerah Hulu Langat Selangor yang mengenalpasti hubungan pengajaran guru, sikap murid terhadap ibadat solat dan persekitaran pembelajaran murid dengan pelaksanaan solat.

Metodologi Kajian

i) Kaedah Penyelidikan

Kajian ini merupakan tinjauan awal berbentuk kuantitatif yang bertujuan untuk mengenal pasti pelaksanaan solat fardu dalam kalangan pelajar Politeknik Hulu Terengganu, Kuala Berang Terengganu. Kaedah yang digunakan dalam penyelidikan ini adalah dengan mengedarkan soalan kaji selidik kepada responden.

ii) Populasi dan sampel kajian

Kajian ini merupakan suatu kajian kes berbentuk diskriptif. Oleh itu, populasi bagi kajian ini adalah terhad kepada pelajar Politeknik Hulu Terengganu sahaja. Sampel kajian ini adalah pelajar muslim Politeknik Hulu Terengganu iaitu seramai 100 orang pelajar daripada Jabatan Perdagangan sesi Disember 2019

iii) Instrumen dan Pengurusan Data

Borang soal selidik digunakan sebagai instrumen utama bagi kajian ini. Penyelidik menggunakan satu set soal selidik yang mempunyai dua bahagian utama iaitu bahagian A dan bahagian B. Bahagian A mempunyai 5 soalan yang berkaitan dengan demografi responden. Manakala pada bahagian B pula mengandungi tiga pecahan iaitu mengenal pasti tahap pengetahuan pelajar terhadap kepentingan solat fardhu, pelaksanaan solat dalam kalangan pelajar dan faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar dalam menunaikan solat. Responden hanya perlu memilih sama ada ya atau tidak bagi setiap soalan yang dinyatakan. Data diproses menggunakan kiraan peratusan biasa .

Dapatkan Kajian

Bahagian A : Latar Belakang Pelajar

Responden yang terlibat di dalam kajian ini merupakan pelajar muslim Politeknik Hulu Terengganu seramai 100 orang pelajar daripada Jabatan Perdagangan kesemuanya semester dua yang terdiri daripada responden lelaki seramai 17 orang (17 %) dan responden perempuan seramai 83 orang (83%) ini kerana permohonan pelajar lelaki untuk mengikuti Program Diploma Akauntansi di Jabatan perdagangan Politeknik Hulu Terengganu sememangnya amat sedikit bilangannya berbanding kursus-kursus lain yang ditawarkan terutamanya bidang kejuruteraan bilangan pelajar perempuan akan menjadi minoriti. Selain itu pelajar daripada program kejuruteraan tidak terlibat sebagai responden kajian ini kerana mereka tidak mengambil kursus Pengurusan Dalam Islam (MPU23012).

Manakala berdasarkan analisis pendidikan, didapati seramai 84 orang (84%) responden mendapat pendidikan di Sekolah Menengah Kebangsaan , manakala terdapat 5 orang (5%) responden daripada Sekolah Menengah Kebangsaan Agama dan Sekolah Menengah Teknik dan seramai 11 orang (11%) .

Bahagian B :

Tahap Pengetahuan Pelajar Terhadap Kepentingan Solat Fardhu

BIL	ITEM / PERKARA	Ya	Tidak
1.	Saya sentiasa menunaikan solat fardhu lima waktu setiap hari.	54 (54%)	46 (46%)
2.	Saya segera menunaikan solat sebaik sahaja masuk waktu solat.	38 (38%)	62 (62%)
3.	Saya menunaikan solat fardhu kerana hukumnya adalah wajib.	95 (95%)	5 (5%)
4.	Solat itu adalah satu kewajipan yang difardhukan ke atas setiap individu.	100 (100%)	-
5.	Saya memahami bahawa solat dapat menghapuskan dosa-dosa kecil yang telah dilakukan.	100 (100%)	-
6.	Saya mengetahui cara melaksanakan solat dengan betul.	91 (91%)	9 (9%)
7.	Saya mengetahui akan balasan Allah terhadap mereka yang ingkar terhadap perintahNya	91 (91%)	9 (9%)
8.	Saya berasa berdosa kerana tidak menunaikan solat.	98 (98%)	2 (2%)
9.	Hukuman Allah sangat dasyat terhadap mereka yang meninggalkan solat dengan sengaja.	100 (100%)	-
10.	Saya mengetahui solat wajb dilaksanakan dalam pelbagai keadaan walaupun ketika musafir dan sakit.	100 (100%)	-
11.	Solat merupakan ibadat yang mendekatkan diri kepada Allah.	100 (100%)	-
12.	Saya yakin dengan menunaikan solat dapat mengelakkan daripada melakukan perbuatan mungkar.	98 (98%)	2 (2%)

Jadual 1: Tahap Pengetahuan Pelajar Terhadap Kepentingan Solat Fardhu

Jadual 1 menunjukkan pengetahuan pelajar terhadap kepentingan solat fardhu, peratus tertinggi responden bersetuju (100%) iaitu seramai 100 orang pada lima item "Solat itu adalah satu kewajipan yang difardhukan ke atas setiap individu," "Saya memahami bahawa solat dapat menghapuskan dosa-dosa kecil yang telah dilakukan," "Hukuman Allah sangat dasyat terhadap mereka yang meninggalkan solat dengan sengaja," "Saya mengetahui solat wajib dilaksanakan dalam pelbagai keadaan walaupun ketika musafir dan sakit," "Solat merupakan ibadat yang

mendekatkan diri kepada Allah.”. Peratus kedua tertinggi adalah pada pernyataan “*Saya mengetahui akan balasan Allah terhadap mereka yang ingkar terhadap perintah-Nya*” yang mana mempunyai nilai 91 orang responden (91%). Namun bagi pernyataan “*Saya segera menunaikan solat sebaik sahaja masuk waktu solat*” mencatatkan 62 orang (62 %) yang tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut. Namun responden tahu dan sedar akan kepentingan solat fardhu tapi responden tetap melengah-lengahkan solat.

Kesimpulannya pengetahuan pelajar terhadap kepentingan solat fardhu pada jadual pertama menunjukkan pelajar menunjukkan tahap kefahaman yang tinggi terhadap kepentingan solat. Tidak sampai lima peratus pelajar yang menunjukkan ketidak fahaman terhadap kepentingan solat tersebut. Tetapi hal ini perlu dipertingkatkan lagi kerana pelajar ini sudah melangkah masuk ke alam institusi pengajian tinggi dan sepatutnya mereka semua tidak mempunyai masalah untuk memahami betapa pentingnya ibadah solat kerana mereka adalah bakal pemimpin ummah di masa akan datang.

Pelaksanaan Solat dalam Kalangan Pelajar

BIL	ITEM / PERKARA	YA	TIDAK
1.	Saya menunaikan solat fardhu pada waktu tidak sibuk sahaja.	27 (27%)	78 (78%)
2.	Saya sentiasa melengah-lengahkan menunaikan solat fardhu.	51 (51%)	49 (49%)
3.	Solat yang paling berat untuk ditunaikan adalah solat subuh.	61 (61%)	39 (39%)
4.	Saya sering tergesa-gesa semasa menunaikan solat fardhu.	41 (41%)	59 (59%)
5.	Saya pernah meninggalkan solat fardhu jika saya sibuk menyiapkan tugas yang diberikan oleh pensyarah.	61 (61%)	39 (39%)
6.	Saya tidak pernah meninggalkan solat Subuh	21 (21%)	79 (79%)
7.	Saya tidak pernah meninggalkan solat Zohor	30 (30%)	70 (70%)
8.	Saya tidak pernah meninggalkan solat Asar	30 (30%)	70 (70%)
9.	Saya tidak pernah meninggalkan solat Maghrib	36 (36%)	64 (64%)
10.	Saya tidak pernah meninggalkan solat Isyak	34 (34%)	66 (66%)

Jadual 2 : Pelaksanaan Solat dalam Kalangan Pelajar

Jadual 2 menunjukkan analisis Item Pelaksanaan Solat, menunjukkan bahawa terdapat dua item yang responden bersetuju bahawa solat yang paling berat ditunaikan adalah solat Subuh pada pernyataan item ”*Solat yang paling berat ditunaikan adalah solat subuh*” dan ketika waktu sibuk

dengan tugasan pada pernyataan item “*Saya pernah meninggalkan solat fardhu jika saya sibuk menyiapkan tugasan yang diberikan oleh pensyarah iaitu seramai 61 orang (61%).* Walaupun kedua-duanya paling susah hendak ditunaikan, namun masih terdapat seramai 39 orang (39%) melaksanakannya setiap hari. Bilangan ini boleh ditingkatkan sekiranya wujud suatu usaha kesedaran oleh responden itu sendiri. Peratusan paling tinggi dalam menunaikan solat setiap hari ialah solat Maghrib di mana seramai 36 orang (36%) menunaikan solat Maghrib diikuti solat Isyak seramai 34 orang (34%), solat Zohor dan Asar masing-masing seramai 30 orang (30%).

Hal ini kerana, terdapat segelintir pelajar yang pergi ke masjid pada waktu Maghrib dan terus menunaikan solat Isyak di sana. Solat Zohor dan solat Asar dapat ditunaikan kerana waktu ini mereka menunggu untuk bermain sukan. Melalui jadual kedua ini juga, ia bersifat agak kontradik dengan paparan pada jadual satu. Hal ini kerana, walaupun kebanyakan pelajar menunjukkan kefahaman yang tinggi terhadap kepentingan solat, namun dalam pelaksanaan menunaikan solat lebih 50 peratus pelajar meninggalkan solat-solat fardhu walaupun mereka mengetahui solat itu penting dan wajib ditunaikan. Pelbagai faktor yang mempengaruhi mereka sehingga bertindak sedemikian rupa. Antara kaedah penyelesaian yang terbaik, disiplin diri pelajar harus dipertingkatkan sebagai contoh melalui peraturan mewajibkan pelajar menunaikan solat lima waktu secara berjemaah di Pusat Islam Politeknik.

Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pelajar Melaksanakan Solat

BIL	ITEM / PERKARA	YA	TIDAK
1.	Saya telah dididik oleh ibu bapa saya untuk menunaikan solat sejak dari kecil.	95 (95%)	5 (5%)
2.	Rakan saya sentiasa memberi dorongan untuk menunaikan solat.	72 (72%)	38 (38%)
3.	Saya banyak mendapat maklumat dan informasi mengenai solat melalui media massa.	79 (79%)	21 (21%)
4.	Saya mencontohi rakan yang sentiasa menunaikan solat.	86 (86%)	14 (14%)
5.	Pensyarah banyak membantu saya memperbaiki bacaan dalam solat.	64 (64%)	36 (36%)
6.	Pensyarah mengingati saya untuk menunaikan solat dengan sempurna di samping tugas menuntut ilmu.	83 (83%)	17 (17%)
7.	Rakan selalu mengajak saya untuk menunaikan solat sama ada di masjid atau di rumah.	70 (70%)	29 (29%)
8.	Saya berusaha untuk menunaikan solat dengan sempurna.	85 (85%)	5 (5%)
9.	Masyarakat sekeliling banyak mempengaruhi saya untuk menunaikan solat.	83 (83%)	17 (17%)
10.	Saya berasa tidak tenang apabila tidak menunaikan solat.	93 (93%)	7 (7%)

Jadual 3 : Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pelajar Melaksanakan Solat

Melihat kepada jadual 3 diatas, pelajar bersetuju bahawa faktor ibu bapa, media massa,rakan sebaya, pensyarah dan masyarakat juga mempengaruhi ibadah solat mereka sama ada ditunaikan atau pun tidak ditunaikan. Faktor didikan ibu bapa adalah seramai 95orang (95%), pensyarah 83 orang (83%), rakan sebaya 86 orang (86%), masyarakat 83 orang (83%) dan media massa 79 orang (79%). Manakala faktor yang tinggi dalam melaksanakan salah fardhu adalah faktor dalaman pelajar seperti kesedaran untuk berusaha menunaikan solat dengan sempurna dan rasa tidak tenang apabila tidak menunaikan solat dengan peratusnya iaitu 95% (95 orang) dan 93% (93 orang).

Ini menunjukkan bahawa, dalam diri setiap pelajar sentiasa ada keinginan untuk memperbaiki dan meningkatkan tahap ibadah mereka khususnya ibadah solat. Kesedaran ini juga menggambarkan bahawa para pelajar mempunyai pengetahuan yang baik dalam hal ibadah solat dan penguasaan ilmu dalam bidang ini. Namun begitu, pelajar perlu memperkuuhkan lagi jati diri keimanan mereka agar tidak mudah terpengaruh dengan unsur tidak baik yang boleh mempengaruhi mereka dalam menunaikan ibadah wajib. Program-program kerohanian, motivasi misalnya haruslah dilaksanakan secara lebih kerap dan istiqamah agar ia sebat dengan jiwa pelajar seterusnya membentuk jati diri yang kukuh.

Kesimpulan

Kesimpulannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar mempunyai pengetahuan yang tinggi mengenai kepentingan solat, tetapi dari segi pelaksanaan tidak menggambarkan tingginya kefahaman mereka terhadap kepentingan solat tersebut dan ianya berada pada tahap sederhana sahaja. Faktor luaran seperti ibu bapa, rakan sebaya, media massa dan lain-lain di dapat mempengaruhi mereka dalam menunaikan solat ataupun tidak.

Terdapat beberapa aspek menunjukkan dapatan yang sederhana dan rendah yang perlu dibaiki. Kajian yang dijalankan ini diharap dapat memberi kesedaran kepada pelajar Muslim Politeknik Hulu Terengganu, Terengganu mengenai kewajipan dalam menunaikan solat fardhu. Kajian ini juga dapat membantu pensyarah dan pihak politeknik sendiri dalam merangka proses pembelajaran dan pengajaran Pendidikan Islam dan aktiviti keagamaan yang lebih mantap agar memberi kesan mendalam dalam jiwa bagi mengisi kekosongan rohani mereka.

Justeru, beberapa cadangan yang ingin di kemukau supaya pelajar yang dikeluarkan oleh Politeknik Hulu Terengganu khususnya, dapat memenuhi kriteria seorang penuntut muslim yang mampu mengimbangkan di antara tuntutan duniaawi dan ukhrawi, iaitu:

- a. Pelajar itu sendiri perlu mengambil inisiatif dalam melaksanakan solat tanpa paksaan daripada mana-mana pihak.
- b. Pihak Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) melalui Biro Kerohanian dan Rakan Pusat Islam (RPI) perlu proaktif dalam menjalankan program membudayakan solat dalam kalangan pelajar.
- c. Penyebaran ilmu keagamaan melalui elemen pengajaran dan pembelajaran merentas kurikulum. Setiap pendidik berperanan menyampaikan ilmu berkaitan keagamaan dalam

proses pengajaran dan pembelajaran walaupun mereka bukan mengajar mata pelajaran Pendidikan Islam.

- d. Para pensyarah memainkan peranan yang penting dengan memberi bimbingan dan nasihat secara berterusan kepada pelajar.
- e. Memperbanyakkan program keagamaan di Politeknik ataupun Kamsis seperti Kem Ibadah Solat, Kem Pemantapan dan Penghayatan Solat, soal jawab agama, usrah, kelas bimbingan fardhu ain dan lain-lain bagi meningkatkan kesedaran dan kepekaan terhadap kepentingan ibadah solat.

Rujukan

- Al-Qur'an. Tafsir Pimpinan Al-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran 30 Juzuk.* Terj. Sheikh Abdullah Bin Muhammad Basmith. Kuala Lumpur: Darul Fikr.
- Ahmad Syafi'i Khatib (2005) *Hikmah Sembahyang Rukun ke 2, Dimensi Fiqah & Kerohanian.* Jasmin Enterprise.
- Azhar Ahmad & Dr. Ab. Halim Tamuri (2005) *Penghayatan Akhlak Pelajar Sekolah Menengah.* Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Dato' Ismail Kamus (2009) *Indahnya Hidup Bersyariat.* Telaga Biru Sdn. Bhd.
- Dr. Basri bin Ibrahim Al-Hasani Al-Azhari (2004) *Panduan Wudhuk dan Solat Berjemaah.* Al-Hidayah Publishers.
- Drs. Hanafi Mohamed(2007) *Hukuman Meninggalkan Sembahyang.* Al-Hidayah Publishers.
- Fawwaz Ahmad Zamrali & Roziah Abdulllah (2008) *Rahsia Khusyuk Solat.* Synergy Media
- Hasna Bin Bidin (2016) *Pelaksanaan Solat Dalam Kalangan Pelajar Muslim di Kolej Komuniti Negeri Johor.* Tesis Sarjana Falsafah.
- H.Ribut Hasanuddin Batubara,Lc (2008) *Mukhtasar Minhajul Qasidin-Jalan Orang-Orang Soleh.* Berlian Publications Sdn. Bhd.
- Ismaiza Ismail (2004) *Lets Learn Solat (Man).* Al-Hidayah Publishers.
- Jasmine Zainal (2010) *Solat Tanpa Pahala.* Synergy Media
- Johari El-Yamani & Ustaz Junaid Talib (2003) *As-Solat.* Al-Hidayah Publishers.
- Nurul Adha Rajali(2013)*Pengamalan Solat Fardhu Dalam Kalangan Pelajar di Politeknik Balik Pulau,Pulau Pinang.*
- Mohd Arshad (1999) *Solat Fardhu sebagai Wadah Jamaah dan Perpaduan Ummah.* Penulisan Ilmiah.
- Mohd Gunawan Che Ab Aziz (2003) *Solat Kejayaan Hakiki.* Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Mohd Khusyairie Marzuki, Mohd Muhiden Abdul Rahman & Affendi Ismail (2018) *Sikap Pelajar Terhadap Pengamalan Solat Farid dan Kesannya kepada Pembentukan Sahsiah: Kajian di UiTM Kelantan Kampus Kota Bharu.*
- M.Siddiq Mustika (2007) *Solat Khusyuk.* Solat S.M.A.R.T. Millenia Sdn. Bhd.
- Nurul Syuhada Bt Johari (2017) *Faktor Mempengaruhi Pelaksanaan Solat Murid Tingkatan Empat Sekolah Menengah Di Daerah Hulu Langat, Selangor, Malaysia.* Tesis Master Sains.
- Suhaila Nadzri, Suhaily Md Shamsudin, Siti Syuhada Abd Rahman, Ahmad A'toa' Mokhtar & Azri Rizal Md Razali (2018) *Isu-Isu Pengabaian Solat Dalam Kalangan Remaja Di Negeri Selangor ,* Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. E-Book Of Masjid, Zakat And

Waqf Management 2018 (Imaf 2018) (E-Isbn 978-967-13087-4-5). 4 Th December 2018,
Bangi, Selangor, Malaysia.

Zaharuddin Abd Rahman (2008) *Formula Solat Sempurna*. Telaga Biru Sdn. Bhd.

<https://muftiwp.gov.my/artikel/tahqiq-al-masail/2238-tahqiq-al-masa-il-siri-ke-1-hukum-qadha-bagi-seseorang-yang-meninggalkan-solat-dengan-sengaja>